



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].
2. <u>Promosi:</u>	Peraduan Malaysia Boleh Bersama MILO.
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 15/07/2023 dan ditutup jam 23:59:59 pada 17/09/2023.
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini dibuka kepada semua individu penduduk Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas yang sah pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <u>Produk Turut Serta:</u>	Produk MILO yang turut serta adalah seperti yang disenaraikan di bawah (“Produk”): a. MILO ACTIV-GO POWDER 200g, 400g, 1kg, 1.1kg, 1.5kg, 2kg, 2.2kg; b. MILO HI-FIBRE 900g; c. MILO 3in1 8x33g, 18x33g, 18x33g + 3x30g Hi-Fibre, 30x33g; d. MILO Whole Grain Cereal 10x36g; e. MILO Less Sugar 10x27g; f. MILO Hi-Fibre 12x30g; dan g. MILO Original 18 x 30g.
6. <u>Kaedah Penyertaan:</u>	a. Untuk mengambil bahagian dalam Promosi, beli minima Ringgit malaysia Dua Puluh [RM20] mana-mana Produk dalam satu resit asal dari mana-mana outlet dalam kedai (“Resit”) dan/atau invois tangkapan skrin daripada mana-mana platform di dalam talian [“Invois”] semasa Tempoh Promosi. b. <u>Resit Outlet di dalam kedai:</u> i. Resit boleh didapati berupa resit bercetak dari sistem <i>point-of-sale</i> dan/atau resit bertulis untuk pembelian outlet di dalam kedai. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat. ii. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk, nombor Resit dan nama dan/atau logo outlet [“Butiran Resit”]. c. <u>Invois Peniaga Dalam Talian:</u>

	<p>i. Invois boleh didapati berupa tangkapan skrin invois dan/atau pesanan untuk pembelian dalam talian daripada peniaga dalam talian. Invois mesti mengandungi nama dan/atau logo peniaga dalam talian di mana pembelian dalam talian dibuat. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau rebat dan/atau baucar diskaun dan/atau baucar penghantaran dan/atau lain-lain diskaun, <u>jumlah pembayaran akhir Produk</u> mestilah jumlah pembelian minima dan ke atas untuk layak.</p> <p>ii. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, pesanan dan/atau nombor invois, dan nama dan/atau logo peniaga dalam talian ["Butiran Invois"].</p> <p>d. Bagi Peserta dengan pembelian dari mana-mana outlet di dalam kedai LOTUS'S ["Eksklusif LOTUS'S"], semasa Tempoh Promosi juga akan berpeluang memenangi hadiah mingguan tambahan. Sila rujuk klausula 17 dan 18.</p> <p>e. Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri berdasarkan jumlah pembelian seperti yang dinyatakan dalam Resit dan/atau Invois yang dikemukakan seperti di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bagi setiap pembelian minima Ringgit Malaysia Dua Puluh [RM20], Penganjur akan memperuntukkan satu [1] nombor bersiri. ii. Bagi setiap Ringgit Malaysia Tiga Puluh Lima [RM35] dan ke atas, Penganjur akan memperuntukkan dua [2] nombor bersiri. <p><u>Contoh:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Jika anda membeli RM34.50 Produk dalam satu Resit dan/atau Invois semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan satu [1] nombor bersiri. • Jika anda membeli RM36.50 Produk dalam satu Resit dan/atau Invois semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan dua [2] nombor bersiri. • Jika anda membeli RM85.50 Produk dalam satu Resit dan/atau Invois semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan dua [2] nombor bersiri. <p>f. Terdapat dua [2] kaedah untuk menyertai Promosi iaitu SAMA ADA melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Laman Web; ATAU ii. WhatsApp. <p>g. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan namun setiap Resit dan/atau Invois unik HANYA layak untuk satu [1] penyerahan penyertaan sama ada melalui Laman Web atau melalui WhatsApp. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Resit dan/atau Invois yang dicetak semula dan/atau Invois dan/atau Imej yang mengandungi lebih daripada satu [1] Resit dan/atau Invois.</p> <p>h. Untuk menghantar penyertaan melalui Laman Web Promosi:</p>
--	---

	<ul style="list-style-type: none"> i. Layari Laman Web Promosi dan lengkapkan Borang Web di: https://www.milo.com.my/ms/malaysia-boleh-bersama-milo atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di Outlet yang mengambil bahagian. ii. Lengkapkan semua butiran peribadi yang diperlukan termasuk nombor mudah alih yang serasi dengan WhatsApp ["Butiran Peribadi"] dalam Borang Web yang disediakan di Laman Web Promosi. iii. Tangkap satu [1] gambar/imej yang <u>jelas dan boleh dibaca</u> dalam format jpg atau jpeg atau png Resit dan/atau Invois lengkap dengan Butiran Resit dan/atau Invois ["Invois"]. iv. Satu [1] Imej mesti mengandungi gambar satu [1] Resit dan/atau Invois sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB. Sila rujuk kepada contoh Imej yang tertera di Soalan Lazim Promosi dan Laman Web Promosi. v. Muat naik Imej pada Borang Web dan hantar ["Penyertaan Laman Web"]. vi. Pengajur akan auto-balas dengan menghantar laporan perakuan penerimaan untuk setiap Penyertaan yang diterima. i. Langkah-langkah penyertaan melalui WhatsApp: <ul style="list-style-type: none"> i. Tulis di depan Resit nama penuh anda dan nombor pengenalan anda["Butiran Peribadi"]. <u>Contoh:</u> Aleena binti Ali 950102148588 ii. Tangkap satu [1] gambar/imej <u>jelas dan boleh dibaca</u> satu [1] Resit dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit anda ["Imej"]. Satu [1] Imej mesti mengandungi satu [1] Resit sahaja. iii. Hantar "consentWA" melalui WhatsApp ke 6018 322 8831 dari mana-mana nombor telefon bimbit yang daftar di Malaysia. Ini adalah untuk memberikan persetujuan anda untuk menghantar melalui aplikasi WhatsApp dari nombor WhatsApp yang dinyatakan di atas. Anda hanya perlu memberikan persetujuan anda sekali sahaja. iv. Sebaik sahaja anda telah memberikan persetujuan anda, anda boleh menghantar Imej anda ke 6018 322 8831 ["Penyertaan WhatsApp"]. v. Pengajur akan menghantar auto-balas mesej perakuan untuk Penyertaan WhatsApp pertama yang diterima oleh setiap nombor mudah alih sahaja. j. Pengajur akan mengekstrak semua Penyertaan Laman Web dan WhatsApp ["Penyertaan"] yang diterima untuk proses selanjutnya. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Pengajur. Imej yang tidak jelas, tidak boleh dibaca dan Penyertaan yang tidak lengkap akan dibatalkan tanpa sebarang notis lanjut kepada Peserta untuk sebarang Penyertaan yang dibatalkan. k. Pengajur berhak untuk meminta Resit asal dan/atau Invois [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk
--	---

	mengemukakan salinan cetak Resit dan/atau Invois apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.
7. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Pengajur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 17/09/2023. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.
8. <u>Hadiah:</u>	<p>Hadiah-hadiah untuk dimenangi adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Dua Puluh [20] Hadiah Harian setiap hari selama enam puluh lima [65] hari berturut-turut. b. Tiga Puluh [30] Hadiah Mingguan setiap minggu selama sembilan [9] minggu berturut-turut. c. Lima [5] Hadiah Bulanan untuk setiap bulan selama dua [2] bulan berturut-turut. d. Sepuluh [10] Hadiah Utama yang terdiri daripada lima [5] Hadiah Utama dan lima [5] Hadiah Kedua di akhir Tempoh Promosi. e. Lapan puluh [80] Hadiah Eksklusif LOTUS'S setiap minggu selama [9] minggu berturut-turut.
9. <u>Hadiah Harian:</u>	<ul style="list-style-type: none"> a. Terdapat sejumlah dua puluh [20] Hadiah Harian yang terdiri daripada hadiah di bawah untuk dimenangi untuk setiap hari selama enam puluh lima [65] hari berturut-turut. <ul style="list-style-type: none"> i. <u>Hadiah Harian A [dari Hari Pertama hingga Hari ke-37]:</u> Dua Puluh [20] Hadiah Harian A setiap hari berupa satu [1] Kemeja-T Eksklusif MILO* bernilai RM99 setiap satu. ii. <u>Hadiah Harian B [dari Hari ke-38 hingga Hari ke-65]:</u> Dua Puluh [20] Hadiah Harian B setiap hari berupa satu [1] Beg Eksklusif MILO bernilai RM99 setiap satu. <p>*Semua pemenang Hadiah Harian A mesti memberikan saiz Kemeja-T Eksklusif MILO di atas permintaan. Tiada perubahan saiz dibenarkan selepas itu.</p> b. Terdapat sejumlah seribu tiga ratus [1300] Hadiah Harian untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.
10. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Harian:</u>	<ul style="list-style-type: none"> a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Harian, Pengajur akan susun kira Penyertaan yang diterima dan memperuntukkan nombor bersiri, untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Pengajur untuk menjadi penyertaan yang berjaya setiap hari, mengikut Produk yang dibeli sebagai dinyatakan dalam Resit dan/atau Invois yang diserahkan [setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1". b. Setiap hari nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak Harian"]. Andainya

	<p>Jumlah Penyertaan Layak untuk hari tersebut ialah 409, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan dua puluh [20] Finalis Hadiah Harian: $409 \div 20 = 20.45$. Oleh sebab pembahagian 409 dengan 20 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 20.45 akan dibundarkan ke bawah kepada 20. 20 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 20*, 40*, 60*, 80, 100 dan seterusnya [*contoh pengiraan: <u>20</u>, <u>20+20=40</u>, <u>40+20=60</u>].</p>										
11. <u>Hadiah Mingguan:</u>	<p>a. Terdapat sejumlah tiga puluh [30] Hadiah Mingguan yang terdiri daripada satu [1] Produk MILO* bernilai RM540 setiap satu untuk dimenangi bagi setiap minggu selama sembilan [9] minggu berturut-turut. <i>*Penganjur akan memberikan Kod SHOPEE kepada pemenang untuk menebus Hadiah Mingguan mereka.</i></p> <p>b. Terdapat sejumlah dua ratus tujuh puluh [270] Hadiah Mingguan untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p>c. Sembilan [9] tempoh mingguan adalah seperti di bawah</p> <table> <tbody> <tr> <td>Minggu 1: 15/07/2023 – 21/07/2023</td> <td>Minggu 2: 22/07/2023 – 28/07/2023</td> </tr> <tr> <td>Minggu 3: 29/07/2023 – 04/08/2023</td> <td>Minggu 4: 05/08/2023 – 11/08/2023</td> </tr> <tr> <td>Minggu 5: 12/08/2023 – 18/08/2023</td> <td>Minggu 6: 19/08/2023 – 25/08/2023</td> </tr> <tr> <td>Minggu 7: 26/08/2023 – 01/09/2023</td> <td>Minggu 8: 02/09/2023 – 08/09/2023</td> </tr> <tr> <td>Minggu 9: 09/09/2023 – 17/09/2023</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Minggu 1: 15/07/2023 – 21/07/2023	Minggu 2: 22/07/2023 – 28/07/2023	Minggu 3: 29/07/2023 – 04/08/2023	Minggu 4: 05/08/2023 – 11/08/2023	Minggu 5: 12/08/2023 – 18/08/2023	Minggu 6: 19/08/2023 – 25/08/2023	Minggu 7: 26/08/2023 – 01/09/2023	Minggu 8: 02/09/2023 – 08/09/2023	Minggu 9: 09/09/2023 – 17/09/2023	
Minggu 1: 15/07/2023 – 21/07/2023	Minggu 2: 22/07/2023 – 28/07/2023										
Minggu 3: 29/07/2023 – 04/08/2023	Minggu 4: 05/08/2023 – 11/08/2023										
Minggu 5: 12/08/2023 – 18/08/2023	Minggu 6: 19/08/2023 – 25/08/2023										
Minggu 7: 26/08/2023 – 01/09/2023	Minggu 8: 02/09/2023 – 08/09/2023										
Minggu 9: 09/09/2023 – 17/09/2023											
12. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Mingguan:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, semua Penyertaan Layak dikumpul dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan Finalis harian dan sepanjang tempoh jadual mingguan akan secara berasingan diperuntukkan satu set nombor bersiri bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak Mingguan"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak untuk minggu tersebut ialah 6004, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan tiga puluh [30] Finalis Hadiah Mingguan: $6004 \div 30 = 200.13$. Oleh sebab pembahagian 6004 dengan 30 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 200.13 akan dibundarkan ke bawah kepada 200. 30 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 200*, 400*, 600*, 800, 1000 dan seterusnya [*contoh pengiraan: <u>200</u>, <u>200+200=400</u>, <u>400+200=600</u>].</p>										
13. <u>Hadiah Bulanan:</u>	<p>a. Terdapat sejumlah lima [5] Hadiah Bulanan yang terdiri daripada satu [1] Motosikal MODENAS KRISS 110 DISC BRAKE [OTR] bernilai RM4699 setiap satu untuk dimenangi setiap bulan selama dua [2] bulan berturut-turut.</p>										

	<p>b. Terdapat sejumlah sepuluh [10] Hadiah Bulanan untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p>c. Dua [2] tempoh bulanan adalah seperti di bawah:</p> <p>Bulan 1: 15/07/2023 – 15/08/2023</p> <p>Bulan 2: 16/08/2023 – 17/09/2023</p>
14. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Bulanan:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Bulanan, semua Penyertaan Layak dikumpul dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan Finalis mingguan dan sepanjang tempoh jadual bulanan akan secara berasingan diperuntukkan satu set nombor bersiri bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap bulan nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak Bulanan"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak untuk bulan tersebut ialah 11111, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan lima [5] Finalis Hadiah Bulanan: $11111 \div 5 = 2222.20$. Oleh sebab pembahagian 11111 dengan 5 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 2222.20 akan dibundarkan ke bawah kepada 2222. 5 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 2222*, 4444*, 6666*, 8888 dan 11110 [*contoh pengiraan: <u>2222</u>, <u>2222+2222=4444</u>, <u>4444+2222=6666</u>].</p>
15. <u>Hadiah Utama:</u>	<p>a. Terdapat sejumlah sepuluh [10] Hadiah Utama yang terdiri daripada hadiah di bawah untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p>i. Lima [5] Hadiah Utama berupa satu [1] PERODUA MYVI 1.3 G AUTO [OTR] bernilai RM48500 setiap satu.</p> <p>ii. Lima [5] Hadiah Kedua berupa satu [1] wang tunai RM10000 setiap satu.</p>
16. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah-hadiah Utama:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah-hadiah Utama, semua Penyertaan Layak dikumpul dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan Finalis bulanan dan sepanjang Tempoh Promosi akan secara berasingan diperuntukkan satu set nombor bersiri bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak ialah 538889 Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan sepuluh [10] Finalis Hadiah Utama: $538889 \div 10 = 53888.90$. Oleh sebab pembahagian 538888 dengan 10 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 53888.90 akan dibundarkan ke bawah kepada 53888. 10 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang</p>

	<p>diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih iaitu: 53888*, 107776*, 161664*, 215552, 269440, 323328, 377216, 431104, 484992 dan 538880 [*contoh pengiraan: <u>53888</u>, <u>53888+53888=107776</u>, <u>107776+53888=161664</u>].</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. <u>Hadiah Utama</u>: Nombor bersiri pertama, ketiga, kelima, ketujuh dan kesembilan akan dipilih sebagai Finalis Hadiah Utama. 5 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih iaitu: 53888, 161664, 269440, 377216 dan 484992. iii. <u>Hadiah Kedua</u>: Nombor bersiri kedua, keempat, keenam, kelapan dan kesepuluh akan dipilih sebagai Finalis Hadiah Kedua. 5 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih iaitu: 107776*, 215552, 323328, 431104 dan 538880.
17. <u>Hadiah Mingguan Eksklusif LOTUS'S</u> :	<ul style="list-style-type: none"> a. Terdapat sejumlah lapan puluh [80] <u>Hadiah Mingguan Eksklusif LOTUS'S</u> yang terdiri daripada hadiah di bawah untuk dimenangi untuk setiap minggu selama sembilan [9] minggu berturut-turut. <ul style="list-style-type: none"> i. <u>Hadiah Mingguan A [dari Minggu Pertama hingga Minggu ke-5]</u>: Lapan Puluh [80] Hadiah Mingguan A setiap minggu berupa satu [1] Beg Eksklusif MILO bernilai RM99 setiap satu. ii. <u>Hadiah Mingguan B [dari Minggu ke-6 hingga Minggu ke-9]</u>: Lapan Puluh [80] Hadiah Mingguan B setiap minggu berupa satu [1] Baucar LOTUS'S RM100 setiap satu. b. Terdapat sejumlah tujuh ratus dua puluh [720] <u>Hadiah Mingguan Eksklusif LOTUS'S</u> untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.
18. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Mingguan Eksklusif LOTUS'S</u> :	<ul style="list-style-type: none"> a. Untuk memilih Finalis Hadiah Mingguan Eksklusif LOTUS'S, SEMUA <u>Penyertaan Layak dengan Resit LOTUS'S</u> dikumpul dan diproses oleh Pengajur semasa Tempoh Promosi, Pengajur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Pengajur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya setiap sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan Resit LOTUS'S yang dihantar [masing-masing adalah "Penyertaan Layak LOTUS'S " dan secara kolektif "Penyertaan Layak LOTUS'S "]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak LOTUS'S bermula dari nombor bersiri "1". b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak LOTUS'S akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak LOTUS'S"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak LOTUS'S ialah 1604 Pengajur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Pemilihan lapan puluh [80] Finalis Hadiah Mingguan Eksklusif LOTUS'S: $1604 \div 80 = 20.05$. Oleh sebab pembahagian 1604 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 20.05 akan dibundarkan ke bawah kepada 20. 80 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 20*, 40*, 60*, 80, 100 dan seterusnya [*contoh pengiraan: <u>20</u>, <u>20+20=40</u>, <u>40+20=60</u>].

19. <u>Terma Tambahan:</u>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp dari 6018 322 8831 ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi melalui WhatsApp atas apa jua sebab.</p> <p>b. Setiap Peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. satu [1] Hadiah Harian A, ii. satu [1] Hadiah Harian B, iii. satu [1] Hadiah Mingguan, iv. satu [1] Hadiah Mingguan Eksklusif A LOTUS'S, v. satu [1] Hadiah Mingguan Eksklusif B LOTUS'S dan, vi. satu [1] Hadiah Bulanan <u>atau</u> satu [1] Hadiah Utama dengan nilai tertinggi. <p>c. Atas permintaan, semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah, tanpanya Penganjur mungkin tidak dapat memenuhi hadiah tersebut.</p> <p>d. Semua Hadiah Harian B dan Hadiah Mingguan Eksklusif LOTUS'S akan dihantar melalui kurier ke alamat yang diterima Penganjur dalam Penyertaan dalam tempoh 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Promosi.</p> <p>e. Semua Hadiah Harian A akan dihantar melalui kurier ke alamat yang diterima Penganjur dalam Penyertaan dalam tempoh 8 – 12 minggu dari tarikh tutup Promosi.</p> <p>f. Semua Hadiah Mingguan Kod Shopee akan dihantar melalui WhatsApp dari 6018 322 8831 ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak dalam tempoh 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Promosi. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana Kod Shopee tidak dapat dihantar kepada Pemenang kerana sebarang perubahan atau perbezaan dalam nombor hubungan mudah alih yang diserahkan oleh pemenang kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan. Penggunaan Kod Shopee adalah tertakluk kepada Terma & Syarat Shopee.</p> <p>g. Semua Pemenang Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama akan dihubungi oleh vendor yang berkaitan untuk penebusan hadiah. Semua Pemenang Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama hendaklah dengan kos dan perbelanjaan mereka sendiri dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab ke atas yuran</p>

	<p>rampai dan caj yang diperlukan oleh Pemenang untuk menggunakan Hadiah yang dimenangi.</p> <ul style="list-style-type: none"> h. Semua Pemenang Hadiah Kedua akan dihubungi melalui nombor WhatsApp 6018 322 8831 ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Pemenang mesti memberikan nama penuh seperti dalam kad pengenalan dan alamat penghantaran. Cek akan dibuat di atas nama Pemenang dan akan dihantar dalam tempoh 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Promosi. Pemenang mesti membuat deposit/tunaikan cek dalam tempoh tiga [3] bulan dari tarikh dikeluarkan. i. Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur untuk kutipan hadiah akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan alternatif yang sama nilainya atau lebih besar. j. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah serta terma dan syarat yang disertakan, jika ada. k. Pengumuman pemenang akan dipaparkan di laman web Penganjur: https://www.milo.com.my/ms/malaysia-boleh-bersama-milo dan di Facebook MILO: https://www.facebook.com/MiloMalaysia menjelang 20/10/2023.
--	--

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat Penyertaan dan Notis Privasi** yang boleh didapati di: <https://www.milo.com.my/ms/malaysia-boleh-bersama-milo>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang perengganahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau

sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

- 1.3 Keputusan Pengajur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Promosi

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Promosi ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Pengajur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Pengajur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Promosi ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Pengajur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:

- (a) Kakitangan Pengajur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Pengajur yang berkaitan dengan Promosi ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
 - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjaskan, telah atau cuba menjaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
 - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos

sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barang Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Promosi ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Promosi ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Promosi ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan promosi) berhubung dengan Promosi ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

11.4 Ketidaksahanan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini tidak akan mempengaruhi atau menjelaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.

11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.

11.6 Terma dan Syarat Promosi ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

12.1 Dengan menyertai Promosi, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.

12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.